

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

PERSIAPAN SAMBUTAN JEMAAH HAJI DI TANAH SUCI

MADINAH, 3 JULAI 2019 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) kini dalam fasa terakhir persiapan bagi menyambut ketibaan kumpulan pertama Jemaah Haji Malaysia yang dijadualkan tiba pada hari Khamis, 4 Julai 2019 (12:00 tengah hari) bagi mengerjakan ibadah haji 1440H/2019M.

Pengarah Operasi Madinah, Tuan Haji Affandi Abdullah berkata, persiapan kumpulan Petugas Haji di Madinah kini berada pada tahap 90 peratus dan bersedia untuk menyambut kedatangan kumpulan pertama seramai 480 jemaah haji pada hari esok, Khamis.

“Pada tahun ini, Jemaah Haji Malaysia akan tiba di lapangan terbang Madinah secara berperingkat dan akan melalui proses pra-perlepasan yang telah dilaksanakan di Tanah Air. Kita juga berterima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi yang mengekalkan *Makkah Route* bagi memastikan kelancaran urusan pergerakan Jemaah Haji Malaysia.” Pengekalan *Makkah Route* oleh Kerajaan Arab Saudi pada musim haji kali ini adalah kesinambungan kelancaran proses pra-perlepasan Jemaah Haji Malaysia yang mula diperkenalkan sejak musim haji tahun lalu.

Bagi musim haji kali ini, beliau berkata **TH** telah menyediakan lima (5) bangunan penginapan jemaah haji (BPJH) yang terbahagi kepada tiga pusat perkhidmatan zon yang terletak di sekitar 200 meter dari Masjid An-Nabawi.

Beliau turut menyentuh mengenai kesediaan pusat rawatan dan juga aktiviti ziarah dalam dan luar. Kesemua aspek operasi telah bersedia untuk memastikan para dhuyufurrahman pada musim haji kali ini diberi perhatian sepenuhnya agar mereka dapat menumpukan kepada ibadah tanpa ada kerisauan dan menjalaninya dengan sempurna.

“Para jemaah haji dinasihatkan untuk membuat persediaan dari segi mental dan fizikal memandangkan sama seperti musim haji terdahulu, cuaca di Madinah juga agak panas. Justeru, **TH** berharap jemaah haji semua terus menjaga kesihatan sejak di Tanah Air lagi. Bekalan ubatan lazim hendaklah dibawa dan diambil mengikut keperluan,” tambah beliau lagi.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. **TH** bertekad untuk menyediakan perkhidmatan haji yang cemerlang kepada jemaah Malaysia dan rekodnya yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model kepada pengurusan haji yang inovatif. **TH** mempunyai lebih daripada sembilan juta pendeposit dan 125 cawangan dengan hampir 10,000 *touch points*, di seluruh negara. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi *Tabung Haji Contact Centre* di talian 03-6207 1919.

Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

Affan Aimaduddin Azami Eksekutif, Perhubungan Media Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Tel. Bimbit: +966540831189 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my	Mohamad Naser Jaffar Pengurus Kanan Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Tel. Bimbit: +966540831140 Emel: naser@lth.gov.my
--	--